

LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

*DISEDIAKAN OLEH
CAWANGAN PENGURUSAN KORPORAT
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA*





PERANCANGAN



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

BIL	ISU	LESSON LEARNT
1.	ANGGARAN AWAL KOS PROJEK MELEBIHI SILING PERUNTUKAN.	<ul style="list-style-type: none">Skop projek hendaklah dimuktamadkan berdasarkan kepada siling peruntukan yang diluluskan.<i>HOPT</i> perlu pastikan tapak yang diterima dari pelanggan bebas dari halangan.Siling peruntukan dari jabatan pelanggan hendaklah dimuktamadkan terlebih dahulu sebelum pelaksanaan sesuatu projek.
2.	TIADA KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG DARI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT).	<ul style="list-style-type: none">Projek jadi tergendala dan terpaksa diberhentikan atas arahan PBT.Kesukaran semasa berhubung dengan agensi lain seperti Tenaga Nasional Berhad, Telekom dan Indah Water Konsortium.
3.	KAJIAN KEMUNGKINAN TIDAK DIBUAT: <ul style="list-style-type: none">Kajian kemungkinan (<i>Feasibility Study</i>) tidak dibuat sebelum projek dijalankan.	<ul style="list-style-type: none">Tidak dapat mengenal pasti masalah yang mungkin timbul dan faktor-faktor seperti sosioekonomi, guna tanah, impak alam sekitar, impak sosial dan penilaian ekonomi untuk mendapatkan alternatif yang paling menguntungkan (<i>value for money</i>).



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

BIL	ISU	LESSON LEARNT
4.	PROSES PENGAMBILAN BALIK TANAH YANG TERLALU LAMA	<ul style="list-style-type: none">Tawaran telah dibuat, Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan dan projek telah bermula, tetapi proses pengambilan balik tanah masih belum selesai.Projek lewat disiapkan.Kelewatan menyebabkan pelanggan tidak berpuas hati.
5.	KOORDINASI/INTEGRASI DI ANTARA HODT Ketidaksamaan lukisan struktur/arkitek/mekanikal/ elektrikal . CONTOH: <ul style="list-style-type: none">Plug elektrik di belakang <i>built in cabinet</i>.Bilik AHU terlalu sempit kerana terdapat perbezaan lukisan arkitek dan struktur.Struktur <i>lift pit</i> terpaksa dibuat pindaan berdasarkan saiz lif yang ditender atau yang dibekalkan.	<ul style="list-style-type: none">Menyebabkan kelewatan masa.Pertambahan kos projek.





PEROLEHAN



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

BIL	ISU	LESSON LEARNT
1.	<p>KERJA-KERJA PERMULAAN (PRELIMINARIES)</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Tiada permohonan khidmat pengangkutan dan kemudahan peralatan kepada Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak Kerja (JKPMK).▪ Kelulusan Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak Kerja (JKPMK) selepas SST dikeluarkan atau selepas kontrak ditandatangani.▪ Tiada catatan penempatan kenderaan atau peralatan di dalam dokumen tawaran.	<ul style="list-style-type: none">• Permohonan atau kelulusan hendaklah diperolehi melalui JKPMK dan mengikut prosedur yang betul.• Kelewatan kelulusan boleh menyebabkan berlakunya perbezaan jumlah yang diluluskan dengan Senarai Kuantiti (<i>BQ</i>) yang ditender.• Maklumat lengkap mengenai keperluan perkhidmatan pengangkutan (seperti pemandu, minyak, kad minyak) dan juga peralatan perlu diperolehi untuk tujuan penyeliaan kerja semasa menyediakan dokumen tender bagi mengelakkan pertambahan kos dan salah tafsir.• Catatan penempatan hendaklah dibuat terhadap perolehan kenderaan dan peralatan yang diluluskan agar tidak disalahguna.



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

BIL	ISU	LESSON LEARNT
2.	SURAT SETUJU TERIMA: <ul style="list-style-type: none">▪ Lambat mengeluarkan Surat Setuju Terima kerana ketidakaan peruntukan.	<ul style="list-style-type: none">• Pelanggan sepatutnya menyelesaikan isu peruntukan dari peringkat awal projek.• Pelaksanaan projek dibuat secara berfasa.
3.	LAMBAT MENANDATANGANI DOKUMEN KONTRAK CONTOH: <ul style="list-style-type: none">▪ Dokumen kontrak telah ditandatangani pada 14 Ogos 2008 yang mana telah mengambil masa selama 9½ bulan dari tarikh Surat Setuju Terima ditandatangani iaitu pada 26 Oktober 2007.▪ Kontrak ditandatangani selepas 6 bulan SST dikeluarkan dan lewat 2 bulan. SEBAB-SEBAB DIBERIKAN <ul style="list-style-type: none">▪ Kelewatan kontraktor mengemukakan dokumen atau dokumen perlu diperbetulkan.	<ul style="list-style-type: none">• Perlu ditandatangan segera seperti Arahan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1995 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikemukakan oleh kontraktor.• Bayaran tidak dapat disediakan dan mengakibatkan kontraktor mengalami masalah pusingan modal.• Kontraktor hendaklah diberi amaran dan memaklumkan akibat ke atas kelewatan mengemukakan dokumen. NOTA: Isu melewati 4 bulan ini, seringkali berulang dan sentiasa mendapat teguran Audit Negara dan Audit Dalam KKR.



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

BIL	ISU	LESSON LEARNT
4.	KAWALAN PENGGUNAAN KENDERAAN PROJEK <ul style="list-style-type: none">▪ Borang pengesahan penerimaan peralatan daripada kontraktor (Lampiran E1) tidak disediakan.▪ Kenderaan tidak disediakan pemandu.▪ Kenderaan tidak disediakan buku log.▪ Tidak memaparkan logo JKR dan nama projek di kenderaan.▪ Kenderaan projek dibawa balik ke rumah pegawai dan digunakan untuk membawa ahli-ahli keluarga pegawai bagi tujuan peribadi.	<ul style="list-style-type: none">• Kenderaan projek mesti dipaparkan logo JKR dan nama projek jenis pelekat kekal bagi mengelakkan penyalahgunaan kenderaan untuk tujuan persendirian.• Semua kenderaan projek perlu disediakan dengan pemandu.• Semua kenderaan projek perlu dipantau penggunaan dengan menyediakan dan menyelenggarakan buku log serta menetapkan tempat penyimpanan kenderaan.• Borang pengesahan penerimaan kenderaan dan peralatan daripada kontraktor (Lampiran E1) hendaklah diisi bagi memastikan barang-barang diterima sama seperti di dalam kontrak dan menjadi bukti bahawa peralatan-peralatan telah diterima daripada kontraktor.• Borang pengesahan pemulangan kenderaan dan peralatan kepada kontraktor (Lampiran E2) hendaklah diisi.



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

BIL	ISU	LESSON LEARNT
5.	<p>MEMECAH KECIL KERJA UNTUK DIPANGGIL SECARA SEBUTHARGA TANPA KELULUSAN. KERJA SEPATUTNYA DITENDER</p> <p>CONTOH:</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Peruntukan senggaraan dipecah kecil kepada 16 sebut harga berjumlah RM7.6 juta.▪ 8 baucar telah dibayar berjumlah RM4 juta.▪ 8 baucar berjumlah RM3.6 juta telah dikuiri (belum dibayar).▪ Kerja tidak siap tetapi bayaran telah dibuat.	<ul style="list-style-type: none">• Inden / Pesanan Kerajaan hendaklah ditandatangani oleh kontraktor yang sebenar dan bukan ditandatangani oleh pegawai JKR.• Penipuan telah berlaku di mana waran telah disalahgunakan iaitu peruntukan untuk senggaraan telah ditukar kepada pembinaan bangunan baru dan kerja-kerja lain yang berkaitan.





PEMBINAAN



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

BIL	ISU	LESSON LEARNT
1.	BAYARAN INTERIM LEWAT DIBAYAR CONTOH: <ul style="list-style-type: none">▪ Bayaran Interim no.6 yang dinilai pada 13 Januari 2011 telah lewat dibayar selama 96 hari.▪ Semakan terhadap 31 bayaran interim didapati tiga (3) bayaran telah lewat dibayar iaitu bayaran interim no.22 hingga 24 selama 151 hari.	<ul style="list-style-type: none">• Bayaran interim hendaklah dibayar kepada kontraktor mengikut masa yang telah ditetapkan seperti di dalam kontrak.• Kelewatan pembayaran menyebabkan aliran kewangan kontraktor akan terjejas dan boleh menyebabkan pelaksanaan projek lewat disiapkan.
2.	TIADA REKOD KEHADIRAN PASUKAN PENGAWASAN PERUNDING DI TAPAK	<ul style="list-style-type: none">• PP/WPP perlu memastikan pasukan pengawasan perunding hadir di tapak untuk menjalankan kerja pemantauan dan penyeliaan dengan cara menyediakan buku rekod kehadiran di tapak.



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

BIL	ISU	LESSON LEARNT
3.	INSURANS LEWAT DILANJUTKAN <ul style="list-style-type: none">▪ Selepas lanjutan masa diluluskan.	<ul style="list-style-type: none">• Pegawai Pengguna hendaklah memainkan peranan penting dan perlu mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor iaitu dengan menggunakan haknya seperti di dalam kontrak untuk melanjutkan tempoh liputan insurans dan bukan hanya memberi arahan dan peringatan secara bertulis sahaja.



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

BIL	ISU	LESSON LEARNT
4.	TIDAK MENUNTUT GANTI RUGI (<i>LAD</i>) DI ATAS KELEWATAN KONTRAKTOR <ul style="list-style-type: none">▪ Kontraktor tidak dikenakan <i>LAD</i> meskipun tempoh siap atau lanjutan masa telah berakhir namun masih ada kerja pembinaan yang belum diselesaikan dan peralatan belum dibekalkan sepenuhnya.	<ul style="list-style-type: none">• Perakuan Kerja Tidak Siap perlu dikeluarkan untuk menentukan permulaan denda supaya tidak timbul sebarang pertikaian daripada kontraktor.
5.	SURAT AMARAN KELEWATAN TIDAK DIKELUARKAN KEPADA KONTRAKTOR <ul style="list-style-type: none">▪ Menjadi salah satu punca yang menyebabkan kerja kontraktor semakin ketinggalan kerana tiada pemantauan sehingga mengakibatkan prestasi menjadi semakin lembab dan seterusnya projek dikategorikan sebagai projek sakit.	<ul style="list-style-type: none">• Pegawai Penguasa/ wakil Pegawai Penguasa hendaklah mengeluarkan surat amaran sekiranya didapati kemajuan kerja kontraktor tidak mencapai seperti yang dirancang dalam <i>Critical Path Method (CPM)</i>.• Ketiadaan surat amaran menyebabkan sukar untuk mengambil tindakan pemansuhan.• Tindakan memansuhkan kontrak harus diambil.



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

BIL	ISU	LESSON LEARNT
6.	BON PELAKSANAAN TIDAK DILANJUTKAN <ul style="list-style-type: none">▪ Tidak diperbaharui tempoh sah laku apabila lanjutan masa diluluskan.▪ Tidak merangkumi tempoh tanggungan kecacatan.	<ul style="list-style-type: none">• Perlu diadakan senarai semakan dan dimasukkan ke dalam maklumat SKALA.• Pihak kontraktor hendaklah diberi peringatan dan PP/WPP perlu mengambil tindakan selaras dengan kehendak kontrak.
7.	WANG JAMINAN PELAKSANAAN (WJP) <p>Tidak dapat dikutip sepenuhnya apabila projek dimansuhkan.</p> <p>CONTOH:</p> <ul style="list-style-type: none">▪ WJP tidak dapat dikutip RM1,677,682.20.▪ WJP tidak dapat dikutip RM373,502.00.	<ul style="list-style-type: none">• WJP perlu dikutip sepenuhnya sebelum projek dimansuhkan bagi mengelakkan kerugian kepada kerajaan.



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

BIL	ISU	LESSON LEARNT
8.	WANG JAMINAN KE ATAS BAYARAN PENDAHULUAN <ul style="list-style-type: none">▪ Tidak dilanjutkan tempoh sah walaupun lanjutan masa telah diluluskan . <p>CONTOH :</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Jumlah yang tidak dikutip RM3,410,149.93 daripada RM6,910,150.00.▪ Jumlah yang tidak dikutip RM7,958,138.65 daripada RM9,135,020.99.	<ul style="list-style-type: none">• Pihak kontraktor hendaklah diberi amaran• PP/WPP perlu mengambil tindakan selaras dengan kehendak kontrak.• JKR tidak boleh menuntut baki bayaran pendahuluan ke atas kontrak yang ditamatkan kerana tempoh sahlaku jaminan telah luput dan menyebabkan kerugian ke atas kerajaan.



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

BIL	ISU	LESSON LEARNT
9.	PERUBAHAN REKABENTUK TANPA KELULUSAN HOPT/HODT CONTOH: <ul style="list-style-type: none">▪ Pertukaran jambatan konkrit (1 rentang) ke <i>Bebo Arch Culvert</i>.▪ <i>Temporary steel bridge</i> ditukar kepada <i>sand filling embankment</i>.	<ul style="list-style-type: none">• Akan menyebabkan masalah teknikal dan kesukaran kepada pengguna.• Sukar mendapatkan tambahan peruntukan.• Pihak pelanggan tidak berpuas hati.
10.	BUKU HARIAN TAPAK <ul style="list-style-type: none">▪ Buku harian tapak tidak dikemaskini terutama untuk kerja mekanikal dan elektrikal.▪ Buku harian tapak diisi oleh kontraktor.▪ Tiada pengesahan/nama dari penyelia.	<ul style="list-style-type: none">• Tiada rekod pengesahan aktiviti atau penerimaan bahan akan menimbulkan keraguan sekiranya terdapat tuntutan atau konflik dari kontraktor.



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

BIL	ISU	LESSON LEARNT
11.	<p>REKABENTUK TIDAK SESUAI: Terdapat beberapa rekabentuk yang dibuat tidak sesuai.</p> <p>CONTOH:</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Keluasan bilik AHU terlalu kecil dan sempit.▪ Sistem penyaman udara tidak praktikal.▪ Lokasi pemasangan paip air tidak sesuai.▪ Keadaan bilik air yang tidak selesa.	<ul style="list-style-type: none">• Kerja-kerja penyelenggaraan tidak dapat dijalankan.• Menyukarkan penggunaan harian selepas bangunan diduduki.• Bangunan yang dibina tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan.



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

ISU:
REKABENTUK YANG TIDAK SESUAI

Tiada sesekat antara ruang sembahyang lelaki dan wanita

LESSON LEARNT

HODT perlu arif di dalam menyediakan keperluan penting bagi mengelakkan kerja tambahan



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT


ISU: REKABENTUK YANG TIDAK SESUAI

LESSON LEARNT

Bagi projek baru:


- Pinda lukisan, laksana verifikasi dan validasi mengikut SPK.
- Lukisan pindaan perlu digunakan menggantikan lukisan asal.
- HOPT / HODT / PP/ wakil PP perlu laksanakan audit kualiti secara berkala

REKABENTUK



Orientasi mangkuk tandas yang tidak bersesuaian

REKABENTUK



Jarak Antara Singki Dengan Dinding
Yang Terlalu Rapat



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

ISU: REKABENTUK YANG TIDAK SESUAI



Paip *fire fighting* dipasang di atas tangga



Bilik AHU sempit – sukar untuk menjalankan kerja penyelenggaraan

JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

BIL	ISU	LESSON LEARNT
12.	<p>PENGGUNAAN WARAN PERUNTUKAN TIDAK DIKAWAL DENGAN CEKAP</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Hanya Penolong Akauntan sahaja yang mengetahui tujuan terperinci sesuatu waran. Maklumat terperinci tidak dimaklumkan ke pengetahuan pegawai penyedia atau pegawai peraku baucer yang lain.▪ Bahagian Kewangan JKR Negeri terus membuat pembayaran dan telah mengecajkan ke atas peruntukan projek yang berbeza tanpa pengesahan dari Ketua Bahagian yang berkaitan. (Kerja di tempat lain tetapi dicajkan kepada projek yang tidak berkaitan dengan kerja tersebut).	<ul style="list-style-type: none">• Penyedia atau Pegawai Peraku baucer hendaklah kompeten terutama semasa ketiadaan Penolong Akauntan supaya tiada kesilapan semasa proses pembayaran dibuat.• Peruntukan untuk projek yang dicaj tidak mencukupi dan terpaksa memohon peruntukan tambahan.



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

BIL	ISU	LESSON LEARNT
13.	<p>KERJA-KERJA TAMBAHAN TANPA KELULUSAN</p> <p>CONTOH – Sebutharga</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Kerja telah siap dilaksanakan pada akhir tahun 2010 tetapi inden untuk kerja tersebut hanya dikeluarkan pada 3/1/2011.▪ Kerja-kerja telah dilaksanakan tanpa Inden Kerja.▪ Tidak dicatitkan tanggungan perbelanjaan sepetimana mengikut prosedur kewangan.▪ Tiada kelulusan dari Pegawai Pengawal. <p>CONTOH – Kontrak</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Kerja-kerja bagi APK (tambahan) telah dilaksanakan sebelum ia diluluskan secara rasmi.	<ul style="list-style-type: none">• Semua kerja tambahan perlu mendapat kelulusan pihak Pegawai Pengawal bagi mengelak peruntukan tidak mencukupi.



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

BIL	ISU	LESSON LEARNT
14.	<p>KELEWATAN PENERIMAAN LUKISAN PINDAAN REKABENTUK DISEBABKAN PERMOHONAN TAMBAHAN DARI PIHAK <i>END USER</i></p> <p>CONTOH:</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Rekabentuk senibina yang dipohon oleh pihak '<i>end user</i>' yang melibatkan banyak perubahan pada lukisan arkitek.	<ul style="list-style-type: none">• Menyebabkan pertambahan kos dan masa.• Pihak klien perlu berbincang keperluan <i>end user</i> semasa peringkat perancangan.
15.	<p>BUTIRAN YANG TERDAPAT DI DALAM LUKISAN TIDAK TERDAPAT DI DALAM <i>BILL OF QUANTITY</i> (BQ)</p>	<ul style="list-style-type: none">• Menyebabkan pertambahan kos yang terlalu tinggi.
16.	<p>KELEWATAN PELANTIKAN SUB KONTRAKTOR DINAMAKAN</p>	<ul style="list-style-type: none">• Menimbulkan kelewatan keseluruhan projek• Percanggahan lukisan disebabkan lukisan NSC berbeza dengan lukisan asal.



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

BIL	ISU	LESSON LEARNT
17.	<p>PERUNTUKAN DIKAWAL SENDIRI OLEH PIHAK KLIEN</p> <p>Projek diserahkan sepenuhnya ke JKR untuk dilaksanakan tetapi waran peruntukan tidak dihantar ke JKR.</p> <p>CONTOH:</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Bayaran sumbangan sesalur kepada TNB diuruskan oleh pelanggan.	<ul style="list-style-type: none">• Pihak pelanggan perlu menyalurkan waran peruntukan kepada JKR agar pembayaran dapat disegerakan.
18.	<p>PERUNDING YANG DILANTIK TIDAK CEKAP DAN TIDAK KOMPETEN</p> <p>CONTOH:</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Kesilapan didalam menyediakan dokumen tawaran.▪ Kelewatan menyediakan bayaran interim.	<ul style="list-style-type: none">• Melibatkan peruntukan yang tinggi disebabkan perbezaan <i>BQ</i> dan lukisan.• Menyukarkan pihak pasukan penyelia di tapak kerana terpaksa melaksanakan tugas yang sepatutnya dibuat oleh pihak konsultan.



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

BIL	ISU	LESSON LEARNT
19.	<p>KECUAIAN JURUUKUR YANG DILANTIK</p> <p>CONTOH:</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Kerja-kerja ukur tanah yang dibuat oleh Juruukur tidak lengkap kerana tidak menunjukkan rumah banglo, ladang, kubur dan kolam takungan air.▪ Masalah kewujudan kolam tersebut hanya dibincangkan pada tahun 2007 sedangkan projek telah bermula pada tahun 2005.  <p>10/08/2010</p>	<ul style="list-style-type: none">• JKR perlu memastikan Juruukur Tanah yang dilantik layak dan berkemahiran supaya dapat memberi gambaran yang jelas dan tepat terhadap keadaan tapak pembinaan.• Pembaziran masa kerana jajaran baru perlu direkabentuk semula. <p>CONTOH: Pengambilan balik tanah terpaksa dibuat semula pada tahun 2007 dan siap pada tahun 2009. (Tarikh milik tapak pada 14 Februari 2005, tarikh siap asal pada 12 Ogos 2007 dan tarikh siap semasa adalah 1 Disember 2009).</p>



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

BIL	ISU	LESSON LEARNT
20.	PELAN PENGURUSAN TRAFIK (TRAFFIC MANAGEMENT PLAN – TMP) <ul style="list-style-type: none">▪ tidak mengikut spesifikasi, banyak aduan dan kemalangan  	<ul style="list-style-type: none">• <i>Traffic Management Plan</i> perlu diberi perhatian yang serius sepanjang pelaksanaan projek bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya.• Wakil Pegawai Pengguna perlu lebih kerap memantau kerja-kerja pengurusan trafik di tapak serta memastikan pengurusan trafik dilaksanakan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.
21.	KERJA-KERJA MASIH DIJALANKAN SELEPAS KONTRAK DITAMATKAN	<ul style="list-style-type: none">• JKR hendaklah menguatkuasakan syarat kontrak dengan menghalang kontraktor daripada meneruskan kerja selepas kontrak ditamatkan dan hendaklah membuat laporan polis dengan kadar segera sekiranya Kontraktor masih meneruskan kerja kerana ini merupakan satu pencerobohan.



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

ISU:

KERJA DILAKSANAKAN SELEPAS KONTRAK DI TAMATKAN

- Kerja tidak mengikut spesifikasi
- Tiada pengesahan kerja

LESSON LEARNT

JKR perlu melaporkan kepada polis disebabkan keengkaran kontraktor dan ini telah menyebabkan peruntukan tambahan diperlukan untuk memecahkan semula kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi.



Aras Culvert Dibina Atas Aras Air



Pembinaan Kerb Yang Tidak Berkualiti



Jajaran Longkang Memasuki Jajaran Jalan Yang Dilebarkan



Kerja-kerja Premix Yang Dibuat Pada Waktu Hujan Dan Tidak Mengikut Spesifikasi





KUALITI PEMBINAAN



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

ISU: Pembinaan tidak berkualiti

CONTOH

Tangki air bocor

LESSON LEARNT

- JKR hendaklah memantau dengan lebih kerap kerja-kerja yang dibuat oleh kontraktor supaya kerja-kerja pembaikkan dapat dikurangkan



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT



ISU:

Kerja yang dihasilkan tidak berkualiti dan tidak mengikut spesifikasi

- Tiada pemegang tingkap.
- Keretakan pada dinding.

LESSON LEARNT

- Pemantauan dan pemeriksaan terperinci oleh *HODT*, *HOPT* dan pasukan penyelia tapak hendaklah dipertingkatkan.
- Pengauditan perlu dilaksanakan kerap kali .



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

ISU: KUALITI BINAAN

- Masalah serangan kulat pada dinding.

LESSON LEARNT

- Kerja yang dihasilkan tidak berkualiti.
- JKR seharusnya mengambil tindakan pembaikan dan perawatan serangan kulat sejurus ianya mula dikesan.



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

ISU:

- *Glass Reinforced Concrete (GRC)* digantung pada dinding batu
- Keretakan antara tiang konkrit.

LESSON LEARNT:

Rekabentuk adalah diragui dan kontraktor perlu mengemukakan pengiraan rekabentuk dan butiran lukisan bagi memastikan kekuahan sistem gantung *GRC*.





LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

ISU:

Sistem gantung *GRC* pada perimeter talang konkrit bangunan tidak seragam dan tidak mengikut lukisan pembinaan.

LESSON LEARNT:

Pemasangan yang tidak sistematis maka kontraktor diminta untuk membuat kerja-kerja pembaikan berdasarkan cadangan yang telah diluluskan dan diaudit oleh pihak perunding.



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT



ISU:

Sag rod yang telah dipasang pada *purlin* bengkok dan keadaan ini boleh menjelaskan kekukuhkan struktur bumbung.

LESSON LEARNT:

Kontraktor diarah membaiki *sag rod*





LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

ISU:

Pendawaian dalam *trunking* tidak menepati spesifikasi

LESSON LEARNT:

- Pemasangan peralatan elektrik yang tidak mengikut spesifikasi JKR yang telah ditetapkan boleh menyebabkan litar pintas dan gangguan bekalan elektrik



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

ISU:

- Paip *sprinkler* berada di atas laluan elektrik.
- Koordinasi ini akan mengakibatkan litar pintas jika berlakunya kebocoran paip tersebut.



LESSON LEARNED

Koordinasi bagi laluan paip *sprinkler* dan laluan elektrik perlu disusun semula bagi mengelakkan masalah litar pintas.



Paip *Sprinkler* Berada Di Atas Laluan Elektrik



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

ISU:

Kebersihan dan keselamatan di tapak



LESSON LEARNT:

- Tempat nyamuk membiak dan kekotoran akan menyebabkan penyakit
- Mengancam nyawa pekerja





SERAHAN



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

BIL	ISU	LESSON LEARNT
1.	<p>TIADA BEKALAN ELEKTRIK, BEKALAN AIR SEMASA <i>CERTIFICATE OF PRACTICAL COMPLETION (CPC)</i> DIKELUARKAN:</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Bangunan terbiar lama sehingga luput tempoh tanggungan kecacatan.▪ Kecurian peralatan.	<ul style="list-style-type: none">• JKR perlu memastikan bekalan air dan elektrik diadakan sebelum <i>CPC</i> dikeluarkan.• JKR menyediakan kawalan keselamatan ditapak.  

LESSON LEARNT KE ATAS ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENEMUAN AUDIT

BIL	ISU	LESSON LEARNED
2.	<p>POLISI INSURANS TIDAK MELINDUNGI KES KECURIAN SETELAH PROJEK SIAP TETAPI MASIH TIDAK DISERAHKAN</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Terjadi kecurian peralatan. 	<ul style="list-style-type: none">• Pihak JKR dan kontraktor seharusnya memastikan polisi insurans melindungi kes-kes yang berkemungkinan berlaku ditapak seperti kecurian dan sebagainya.





SEKIAN TERIMA KASIH

